

BAB DUA

PEREKAAN

Bagi seseorang kanak-kanak, buku bermula dengan gambar. Seorang kanak-kanak yang diberi sebuah buku bergambar tentang binatang tanpa sebarang teks, kecuali disebutkan jenis binatang tersebut, dia mula belajar untuk menyingkap halaman demi halaman dalam buku tersebut dan melihat gambar-gambar yang terdapat di dalamnya. Dengan perkataan lain, dia mula ‘membaca’ gambar-gambar yang terdapat di dalam buku tersebut dan ini akan membantunya kepada proses pembacaan yang sebenar.

Perekaan memainkan peranan paling penting dalam penentuan penghasilan sesebuah judul yang baik. Gambar yang cantik, menarik boleh mlariskan judul-judul yang tidak semestinya dihasilkan dengan kualiti yang baik. Manakala gambar-gambar yang tidak menarik mungkin boleh menyebabkan sesebuah judul yang baik kandungannya tidak dapat dijual dengan baik.

2.0 APAKAH PEREKAAN BUKU?

Perekaan ialah satu perancangan bentuk visual bagi menentukan ciri-ciri fizikal sesebuah judul yang bakal terbit. Ini termasuklah penentuan format buku sama ada berbentuk tegak atau melintang yang secara tidak langsung menentukan saiz sesebuah buku, penentuan rupa sesuatu halaman

termasuk penentuan jumlah kolumn; kecil besar, panjang pendek, penentuan pemilihan rupa taip dan fon, penentuan jenis kertas, penentuan jenis jilidan dan penentuan bentuk, kuantiti, saiz ilustrasi yang digunakan dan perancangan penggunaan warna (ilustrasi dibincangkan dalam bab tiga).

Tugas membuat perekaan ini dilakukan oleh seorang pereka yang mahir dengan pelbagai jenis rupa taip dan susunannya, aspek-aspek teknikal dalam percetakan dan mengetahui seni grafik. Dia harus ada daya keupayaan menggambarkan setiap peringkat yang terlibat dalam proses pengeluaran sesebuah judul buku dan membuat perancangan setiap peringkat itu.

2.0.1 Elemen penting dalam perekaan

2.0.1.1 Penentuan format

Format merujuk kepada bentuk dan ukuran atau saiz sesebuah buku (Frieda Gates, hal. 89). Bagi seseorang pereka, ia juga merujuk kepada gaya persembahan manuskrip termasuklah dari segi pemilihan tipografi. Faktor utama pemilihan format ialah dengan melihat kepada fungsi buku tersebut iaitu bagaimana dan siapa yang menggunakaninya. Kalau sesebuah judul itu dihasilkan untuk dibaca berulang kali, ia mesti boleh dibuka dan ditutup dengan mudah. Kalau sesebuah judul itu dihasilkan bukan untuk dibaca selalu, ia mesti boleh disimpan di dalam rak dengan baik.

Terdapat beberapa konvensyen tentang format, sama seperti konvensyen yang terdapat dalam aspek perekaan yang perlu dipatuhi sekiranya tidak ada alasan untuk tidak mematuhinya. Walau bagaimanapun, kebanyakan konvensyen tidaklah terlalu rigid. Tetapi disebabkan penjualan sesuatu judul itu banyak bergantung pada pustakawan dan penjual buku, peraturan yang tidak rigid ini menjadi ikutan penerbit-penerbit buku.

Format buku terbahagi kepada beberapa jenis iaitu folio, quarto, octavo, 16 mo, 24 mo dan 32 mo. Tetapi lazimnya, kebanyakan buku dikeluarkan dalam bentuk octavo (menegak). Manakala format quarto (melintang) digunakan sekali-sekala iaitu digunakan untuk buku-buku yang mengandungi banyak ilustrasi bergambar terutamanya gambar foto berwarna dalam saiz yang besar seperti buku mewah (coffee table).

Daripada format octavo, ada lima saiz yang paling popular iaitu *foolscap octavo*, *demy octavo* ($5\frac{5}{8}$ " x $8\frac{3}{4}$ " atau 143mm x 222mm), *crown octavo* (5" x $7\frac{1}{2}$ " atau 127mm x 190mm), *royal octavo* ($6\frac{1}{4}$ " x 10" atau 159mm x 254mm) dan *medium octavo*. Daripada format *quarto* pula, saiz yang paling popular ialah *demy quarto* ($11\frac{1}{4}$ " x $8\frac{3}{4}$ " atau 286mm x 222mm) dan *crown quarto* (10" x $7\frac{1}{2}$ " atau 254mm x 190mm).

Penentuan format juga melibatkan penentuan jumlah halaman yang diperlukan. Penentuan jumlah halaman dibuat dengan cara menganggarkan jumlah keseluruhan karektor yang terdapat dalam

manuskrip. Secara umum, rata-rata buku kanak-kanak di pasaran mengandungi 32, 40 atau 48 halaman.

2.0.1.2 Penentuan rupa bentuk halaman teks

Rupa bentuk sesuatu halaman teks merujuk kepada peletakan bahagian-bahagian yang hendak dicetak pada sesuatu halaman. Setiap halaman tidak semestinya sama rupa bentuknya. Malah, bagi buku kanak-kanak, rupa bentuk halaman yang berbeza-beza dapat menarik minat mereka terhadap buku tersebut.

Dalam membuat penentuan rupa bentuk sesuatu halaman, perkara-perkara yang ditekankan adalah seperti penentuan saiz teks (panjang teks atau lebar teks), penyusunan kolumn, penentuan saiz birai dan penentuan kedudukan *running head*, tajuk, subtajuk dan nombor halaman.

Penentuan saiz teks

Penentuan saiz teks dibuat berdasarkan jumlah teks yang terdapat dalam sesebuah manuskrip, jumlah halaman yang ditentukan dan jumlah ilustrasi yang diperlukan. Sebelum sebarang keputusan dibuat untuk menentukan saiz atau kelebaran sesuatu teks bagi sesuatu saiz rupa bentuk taip, pereka perlu mengira jumlah karektor yang terdapat dalam sesebuah manuskrip. Anggaran kasar jumlah karektor yang terdapat dalam sesebuah manuskrip dapat membantu pereka menentukan corak penyusunan kolumn.

Biasanya bagi buku kanak-kanak, satu baris teks mengandungi 30 hingga 60 karakter. Jumlah karakter yang paling sesuai ialah antara 40 hingga 50 karakter pada sesuatu baris.

Penyusunan bentuk kolumn

Terdapat beberapa bentuk penyusunan kolumn digunakan dalam media penerbitan. Antaranya:

1. tepian lurus kiri dan kanan (flush left; flush right/justified);
2. tepian lurus kiri dan tidak lurus kanan (flush left; ragged right);
3. tepian lurus kanan dan tidak lurus kiri (flush right, ragged left);
4. tengah-tengah (centered);
5. asimetri;
6. *runaround*; dan
7. kontor.

Tepian lurus kiri dan kanan. Kolumn bentuk ini paling biasa digunakan dalam media penerbitan. Kedua-dua belah kiri dan kanan teks (permulaan dan akhiran sesuatu barisan teks) adalah sama kedudukannya. Contoh di bawah dapat memberi gambaran yang lebih jelas lagi.

Contoh:

Kolumn bentuk ini paling biasa digunakan dalam media penerbitan. Kedua-dua belah kiri dan kanan teks (permulaan dan akhiran sesuatu barisan teks) adalah sama kedudukannya. Contoh di bawah dapat memberi gambaran yang lebih jelas lagi.

Tepian lurus kiri dan tidak lurus kanan. Kolumn ini juga biasa digunakan. Pada bahagian kanan teks tidak sama (unjustified) antara satu baris dengan baris teks yang lain. Ramai pereka sukakan bentuk kolumn begini kerana ini dapat mengurangkan penggunaan *hyphenation* (-).

Contoh:

Kolumn ini juga biasa digunakan. Pada bahagian kanan teks tidak sama (unjustified) antara satu baris dengan baris teks yang lain. Ramai pereka sukakan bentuk kolumn begini kerana ini dapat mengurangkan penggunaan *hyphenation* (-).

Tepian lurus kanan dan tidak lurus kiri. Penyusunan teks menggunakan bentuk kolumn ini jarang digunakan kerana ia sukar dibaca, terutama bagi buku kanak-kanak. Ia biasa digunakan untuk menerangkan sesuatu ilustrasi (*kapsyen*).

Contoh:

Penyusunan teks menggunakan bentuk kolumn ini jarang digunakan kerana ia sukar dibaca, terutama bagi buku kanak-kanak. Ia biasa digunakan untuk menerangkan sesuatu ilustrasi.

Tengah-tengah. Penggunaan kolumn bentuk ini biasa untuk meletakkan sesuatu tajuk. Dalam usaha untuk mendapatkan kombinasi yang sekata antara sesuatu barisan, seseorang pereka perlu mengira jumlah karektor dan bijak membahagikan perkataan yang hendak digunakan.

Contoh:

Penggunaan kolumn bentuk ini biasa untuk meletakkan sesuatu tajuk. Dalam usaha untuk mendapatkan kombinasi yang sekata antara sesuatu barisan, seseorang pereka perlu mengira jumlah karektor dan bijak membahagikan perkataan yang hendak digunakan.

Asimetri. Dalam penyusunan teks kolumn bentuk ini, perubahan panjang barisan atau teks tidak sekata antara satu sama lain.

Contoh:

Dalam penyusunan teks kolumn bentuk ini, perubahan panjang barisan atau teks tidak sekata antara satu sama lain.

Runaround. Penyusunan kolumn bentuk ini dibuat untuk memuatkan teks di sekitar ilustrasi.

Contoh:

Penggunaan kolumn bentuk ini biasa untuk meletakkan sesuatu tajuk. Dalam usaha untuk mendapatkan kombinasi yang sekata antara sesuatu barisan, seseorang pereka perlu mengira jumlah karektor dan bijak membahagikan perkataan yang hendak digunakan.

Kontor. Dalam penyusunan kolumn bentuk ini, teks dimuatkan dalam bentuk bulatan, segi tiga, *diamond* atau mana-mana bentuk yang dipilih pereka. Ia memerlukan pereka mengira jumlah karektor dengan tepat untuk memastikan jumlah teks itu memenuhi bentuk yang dipilih.

Contoh:

Dalam penyusunan kolumn bentuk ini, teks dimuatkan dalam bentuk bulatan, *triangle*, *diamond* atau mana-mana bentuk yang dipilih pereka. Ia memerlukan pereka mengira jumlah karektor dengan tepat untuk memastikan jumlah teks yang

Penentuan saiz birai

Penentuan saiz birai bergantung pada panjang teks dan bentuk kolumn yang hendak digunakan pada sesuatu halaman. Birai ialah ruang putih yang terdapat di sekeliling teks dan ilustrasi sesuatu halaman. Ia terbahagi

kepada birai dalam, birai atas, birai tepi (luar) dan birai bawah. Dalam membuat pemilihan berhubung saiz setiap birai ini, terdapat beberapa cara yang boleh dipilih pereka. Antaranya memilih saiz yang sama bagi keempat-empat birai (cth: 1" bagi setiap birai), birai dalam dan birai luar mempunyai satu saiz yang sama manakala birai atas dan birai bawah mempunyai satu saiz lain yang sama (cth: birai dalam dan luar bersaiz 1" manakala birai atas dan bawah bersaiz $\frac{3}{4}"$) atau keempat-empat birai mempunyai saiz yang berlainan dengan saiz birai dalam yang lebih besar diikuti saiz birai atas kecil sedikit, birai luar lebih kecil dan birai bawah paling kecil (cth: saiz birai dalam $1\frac{1}{2}"$; saiz birai atas 1"; saiz birai luar $\frac{3}{4}"$ dan saiz birai bawah $\frac{1}{2}"$).

Running head, tajuk bab, sub tajuk dan nombor halaman

Keempat-empat perkara yang disebutkan di atas boleh ditentukan oleh pereka mengikut kesesuaian teks dan pembaca sesebuah buku. Dalam membuat penentuan kedudukan *running head*, iaitu bahan yang terletak di atas teks, seseorang pereka boleh memilih sama ada meletakkan di tengah-tengah (centered), kombinasi santak kiri pada halaman verso (flush left); santak kanan pada halaman rekto (flush right) atau kombinasi santak kanan pada halaman verso; santak kiri pada halaman rekto.

Kedudukan tajuk bab dan subtajuk pula boleh terletak di tengah-tengah (centered) atau santak kiri. Tetapi penggunaan subtajuk pada

kedudukan santak kiri amat jarang digunakan, lebih-lebih lagi dalam buku kanak-kanak.

Nombor halaman pula boleh diletakkan sama ada di bahagian atas teks ataupun di bahagian bawah teks. Daripada dua kedudukan ini, pereka boleh memilih sama ada hendak meletakkannya:

- i. di tengah-tengah di bahagian bawah teks (kedudukan ini sesuai sekiranya *running head* juga berada di kedudukan yang sama di bahagian atas teks);
- ii. kombinasi santak kiri pada halaman verso dan santak kanan pada halaman rekto di bahagian bawah teks (sama dengan kombinasi kedudukan *running head*);
- iii. kombinasi santak kanan pada halaman verso dan santak kiri pada halaman rekto di bahagian bawah teks (sama dengan kombinasi kedudukan *running head*);
- iv. kombinasi santak kiri pada halaman verso dan santak kanan pada halaman rekto di bahagian atas teks (kombinasi *running head* mesti bertentangan iaitu santak kanan pada sebelah verso dan santak kiri pada sebelah rekto); atau
- v. kombinasi santak kanan pada halaman verso dan santak kiri pada halaman rekto di bahagian atas teks (kombinasi *running head* juga mesti bertentangan).

2.0.1.3 Pemilihan tipografi

Pemilihan rupa taip mempunyai hubungan dengan pemilihan format. Ini disebabkan daripada penentuan format yang dibuat oleh seseorang pereka, dia dapat menentukan bagaimana bentuk rupa taip yang sesuai untuk judul yang akan dihasilkan di samping mengambil kira tentang jenis manuskrip yang diterima.

Terdapat berbagai-bagai jenis rupa taip digunakan pada hari ini. Pilihan yang banyak ini kadangkala membingungkan pereka dan editor yang membantu pereka memilih rupa taip sesebuah teks. Walaupun sudah banyak pilihan dalam rupa taip moden, rupa taip klasik masih digunakan dan masih mampu memberi persaingan kepada rupa taip bentuk moden yang terdapat pada hari ini. Walau apa pun rupa taip yang dipilih oleh seseorang pereka, ia mesti sesuai dengan kualiti masa. Kalau cetakan lama menggunakan rupa taip kelas serif daripada keluarga Roman, cetakan moden lebih banyak menggunakan rupa taip daripada keluarga Univers dan keluarga Helvetica.

Kebanyakan rupa taip mempunyai variasi ketebalan huruf seperti *extra bold, light, medium, bold* dan *extra bold*. Rupa taip juga boleh dikuruskan (*condensed*) dan digemukkan (*expanded*) atau dicondongkan (*italik*). Selain itu, terdapat juga rupa taip yang berbentuk serif, san serif, ada bebayang (*shadow*) dan *fancy*.

Legibiliti

Bagi buku kanak-kanak, legibiliti merupakan perkara yang paling diutamakan. Legibiliti boleh dicapai melalui pemilihan rupa taip yang sesuai iaitu ringkas dan jelas dilihat oleh kanak-kanak apabila mereka membaca sesebuah buku. Rupa taip jenis serif daripada keluarga Caslon, Century Oldstyle, Garamond, Goudy Oldstyle, Times Roman, Baskerville, Century Schoolbook, Bookman dan Clarendon biasa digunakan untuk buku kanak-kanak di Barat. Manakala rupa taip jenis san serif yang popular terdiri daripada Futura Book, Folio Book, Helvetica Regular dan Univers 55.

Pemilihan saiz rupa taip pula bergantung pada jumlah halaman yang telah ditentukan oleh pereka untuk sesebuah judul yang akan dihasilkan. Ia juga bergantung pada peringkat umur kanak-kanak yang secara tidak langsung berkait dengan jumlah kandungan teks. Misalnya, bagi buku kanak-kanak pada peringkat baru belajar membaca (young children), kandungan perkataan dalam teks agak sedikit dan ini boleh menggunakan rupa taip yang mempunyai saiz yang agak besar seperti 16 poin atau 18 poin. Manakala untuk buku kanak-kanak yang sudah lancar membaca yang mempunyai kandungan teks atau perkataan yang lebih banyak, saiz rupa taip yang digunakan lebih kecil seperti 12 poin atau 14 poin. Rupa taip yang bersaiz 11 poin merupakan saiz yang paling kecil digunakan dalam penerbitan buku kanak-kanak.

Penentuan saiz rupa taip yang dipilih juga harus melihat kepada bentuk atau keluarga rupa taip yang digunakan. Ada rupa taip yang mempunyai saiz poin yang sama tetapi tidak sama besar. Misalnya rupa taip 16 poin daripada keluarga Book Antiqua tidak sama besar dengan rupa taip bersaiz 16 poin daripada keluarga Times New Roman.

Contoh:

Book Antiqua	12 poin
Times New Roman	12 poin

Perbezaan saiz wujud walaupun mempunyai saiz fon yang sama disebabkan ketinggian *ascenders* dan *descenders* sesuatu rupa taip berbeza dengan rupa taip yang lain.

Selain itu, keluasan atau kelebaran sesuatu rupa taip juga mesti diambil kira apabila membuat pemilihan tentang rupa taip sesebuah teks. Dalam penentuan keluasan rupa taip, unit ukuran yang digunakan ialah poin dan pica. 12 poin bersamaan dengan 1 pica dan 6 pica bersamaan dengan 1 inci ($1 \text{ poin} = 1/72''$). Unit poin digunakan untuk menunjukkan saiz sesuatu rupa taip dengan mengambil kira pengukuran dari ketinggian paling atas sesuatu abjad hingga ke kaki paling bawah. Manakala unit pica pula merujuk kepada kelebaran sesuatu abjad atau karektor.

Di samping keluasan rupa taip, ruang kosong antara satu karektor dengan karektor lain (letter spacing) juga penting dalam buku kanak-kanak. Pemilihan yang paling baik untuk mendapatkan legibiliti yang

paling maksimum, pereka memilih set yang normal iaitu seperti yang dibentuk secara automatik oleh penaip set apabila memilih sesuatu rupa taip.

Apabila memilih gaya rupa taip dan saiznya, seseorang pereka juga harus mengambil kira tentang *leading* (linespacing) iaitu jarak atau ruang putih di antara dua baris ayat. *Leading* yang terlalu kecil menyukarkan mata orang yang membaca untuk melihat barisan perkataan. Sesetengah rupa taip agak mudah dibaca walaupun rupa taipnya bersaiz 10 poin dengan 2 poin sebagai *leading* berbanding rupa taip yang bersaiz 14 poin tanpa *leading*.

Satu lagi bentuk unit ukuran rupa taip ialah *em* atau *em quad*. Unit ini digunakan untuk menunjukkan jumlah *indention*, kelebaran *dash* (—) dan jarak antara satu perkataan dengan perkataan yang lain. Unit ini sama lebarnya dengan saiz rupa taip yang dipilih. Misalnya satu *em* dalam rupa taip bersaiz 14 poin ialah 14 poin lebar. Separuh atau setengah *em* dipanggil *en* atau *en quad*, manakala $\frac{1}{3}$, $\frac{1}{4}$ dan $\frac{1}{5}$ *em* dipanggil *3-em*, *4-em* dan *5-em spaces*.

Selain semua yang disebutkan sebelum ini, pemilihan bentuk rupa taip sama ada huruf besar atau huruf kecil juga penting untuk menentukan legibiliti. Huruf besar biasanya hanya digunakan untuk tajuk bab atau tajuk utama, atau pada abjad pertama sesuatu perkataan baru dalam sesuatu ayat. Manakala huruf kecil digunakan untuk teks.

2.0.1.4 Penentuan jenis kertas

Apabila membincangkan perekaan buku, perbincangan mengenai kertas tidak boleh diabaikan. Ini disebabkan untuk mendapatkan hasil penerbitan dalam bentuk bercetak, kita perlu mencetaknya di atas kertas. Dengan kata lain, proses penerbitan melibatkan kertas dan pemilihan kertas untuk sesebuah judul terbitan perlu mengikut kesesuaian dan bentuk perekaan yang dibuat.

Dalam proses penerbitan buku, terdapat dua bentuk kertas yang digunakan iaitu untuk membuat kulit dan mencetak teks. Daripada dua bentuk ini, terdapat berbagai-bagai jenis kertas yang kegunaannya disesuaikan dengan bentuk dan cara sesebuah penerbitan itu digunakan.

Antaranya:

1. *Antique*

Kertas jenis ini biasa digunakan dalam penerbitan buku tetapi tidak sesuai untuk mencetak ilustrasi *halftone*.

2. *Mechanical*

Kertas jenis ini diperbuat daripada kayu lembut secara mekanikal dan bahan kimia digunakan untuk menguatkan gentiannya. Ia biasa digunakan untuk mencetak risalah dan majalah, bahan penerbitan yang mengandungi ilustrasi *halftone* dan warna yang mempunyai skrin 100 garisan per inci.

3. *Cover*

Kertas jenis ini biasanya dibuat untuk bahagian kulit katalog, buku-buku berkulit lembut dan penerbitan kartun. Kadang-kadang ia dibalut dengan

bahan lain sebelum digunakan sebagai kulit, bergantung pada bentuk penerbitan.

4. *Coated paper*

Kertas *coated* terbahagi kepada jenis *blade coated* dan *plastic papers*.

Kertas teks *blade coated* merupakan pertengahan antara kertas yang tidak disalut dengan kertas yang disalut sepenuhnya. Ia digunakan untuk mencetak majalah dan buku-buku berilustrasi. Kertas plastik (*plastic paper*) dibuat daripada plastik sepenuhnya atau kertas yang disalut plastik.

Walaupun ia agak mahal, ia sesuai digunakan untuk mencetak peta dan juga buku kanak-kanak untuk peringkat rendah (young children). Kertas jenis ini sangat tahan dan boleh dibasuh dengan air.

Dalam sektor percetakan di Malaysia, terdapat berbagai-bagai jenis kertas yang perlu dipilih penerbit buku dalam pertimbangan menerbitkan buku-buku bermutu. Antara jenis kertas yang terdapat di Malaysia ialah:

1. *Antique;*
2. *Bond Paper* (terdapat dalam warna biru, hijau, merah jambu dan kuning);
3. *Burnie Ledger*
4. *Bristol Board* (terdapat dalam warna biru, hijau, merah jambu dan kuning);
5. *Duplicating Paper* (terdapat dalam warna biru, hijau, merah jambu dan kuning);
6. *Ivory Cross Card White;*
7. *Leathic Brown Fancy Paper;*
8. *Leathic White Fancy Paper;*
9. *Matt Art Paper;*
10. *Minifold Paper* (terdapat dalam warna biru, hijau, merah jambu dan kuning);
11. *Newsprint White;*
12. *NCR Paper Bottom Sheet;*
13. *NCR Paper Middle Sheet;*
14. *NCR Paper Top Sheet;*

15. *Onionskin Paper*
16. *Parchment Goatskin Paper*
17. *Simile White Paper*
18. *Vanguard Card Paper*
19. *White Art Paper Bothside*
20. *White Art Card*

Dalam proses memilih kertas yang sesuai untuk mencetak sesebuah judul penerbitan, terdapat beberapa ciri yang perlu ditekankan oleh pihak penerbit. Misalnya penerbit perlu mengambil kira ciri-ciri berat, ketahanan, kelegapan, tekstur permukaan, ketebalan, mutu lipatan, tarikan menyerap dakwat cetakan dan kefleksibelan sesuatu jenis kertas untuk mendapatkan hasil cetakan yang baik dan tahan lama (M.N. Rao 1974, hal. 58).

Bagi buku kanak-kanak, berat kertas yang digunakan perlu 50% lebih berat daripada kertas yang digunakan untuk mencetak buku-buku bacaan orang dewasa (M.N. Rao 1974). Sebagai contoh, buku untuk kanak-kanak prasekolah sesuai menggunakan kertas jenis yang tidak mudah koyak dan berat antara 100gsm hingga 125gsm. Manakala untuk kulitnya pula, berat kertas yang sesuai ialah dalam lingkungan 230gsm. Tujuannya untuk menjaga ketahanan buku kerana kebiasaannya kanak-kanak pada tahap usia sebegini mempunyai tabiat yang agak kasar.

Kertas yang nipis juga tidak sesuai untuk buku kanak-kanak kerana selain mudah koyak, dakwat cetakan meresap dengan cepat dan boleh menjelaskan kualiti cetakan. Kadangkala mungkin boleh menjadikan ilustrasi dan teks di depan dan belakang kertas kelihatan

bertindan. Ini akan menyebabkan tumpuan kanak-kanak akan cepat lemah dan mata mereka cepat penat. Proses percetakan dan bahan-bahan yang digunakan seperti kertas dan dakwat perlukan penelitian untuk menghasilkan sesebuah judul yang bermutu.

2.0.1.5 Penentuan jilidan

Jilidan merupakan salah satu elemen penting yang juga menyumbang kepada penghasilan buku yang berkualiti dari segi kekemasan dan ketahanan hayat sesuatu judul. Pemilihan jilidan yang sesuai untuk sesebuah terbitan dapat menentukan mudah atau tidak ia digunakan sewaktu kita membaca. Walaupun proses ini dilakukan pada peringkat percetakan, pemilihan jenis jilidan perlu dilakukan pada peringkat awal, seawal peringkat perekaan bahagian buku dibuat.

Sejarah penjilidan bermula beberapa abad selepas kemunculan buku yang pertama dalam bentuk gulungan *papyrus* 18 kolumn bertulisan Mesir Purba (selenggaraan Pelajar-pelajar Penerbitan 04 1990, hal. 178). Jenis jilidan yang pertama ialah dengan cara menjahit atau mengikat setiap gulungan. Kemudian penggunaan jilidan ini semakin berkembang dan kulit binatang mula digunakan sebagai kulit buku. Perkembangan seterusnya berlaku begitu pesat, selari dengan penciptaan mesin cetak pada abad ke-15. Penciptaan mesin cetak lebih moden pada abad ke-19 memusatkan lagi penciptaan mesin jilidan seperti penciptaan mesin

Multistation Collater Combi yang boleh menjalankan tugas melipat, menjilid dan memotong memudahkan lagi proses penjilidan.

Mengikut David Bann (1985, hal. 104-107), secara umumnya jilidan terbahagi kepada jilidan kulit lembut (paperback) dan jilidan kulit keras (hardback). Jenis-jenis jilidan yang biasa digunakan hari ini dalam bidang percetakan kepada jilidan *perfect*, jilidan jahitan, jilidan *wire-stitching*, *spiral*, *wire-o* dan jilidan plastik gelung (plastic comb binding).

Jilidan *perfect* banyak digunakan untuk buku kulit lembut dan majalah. Selepas setiap seksyen bahan cetakan dilipat, ia disusun mengikut aturan yang telah ditetapkan (mengikut susunan nombor halaman). Bahagian dalam susunan seksyen ini kemudiannya dipotong sebanyak 1/8", disapu gam dan dilekatkan pada kulit yang dipilih. Jilidan *perfect* paling sesuai digunakan pada buku kanak-kanak berkulit lembut dengan ketebalan yang sederhana.

Jilidan jahitan pula merupakan proses susunan seksyen (prosesnya sama seperti dalam jilidan *perfect*) dijahit, disapu gam dan kemudiannya baru dilekatkan pada kulit. Jilidan jenis ini juga sesuai digunakan untuk buku kulit lembut dan kulit keras. Bagi buku kanak-kanak yang agak tebal, jilidan jahitan sesuai digunakan kerana selain kukuh, ia juga dapat menghalang kertas tertanggal daripada jilidan apabila digunakan secara kerap oleh kanak-kanak.

Selain jilidan *perfect* dan jilidan jahitan, buku kanak-kanak juga menggunakan jilidan jenis *wire stitching* yang menggunakan teknik pelana

(saddle-stitching). Walaupun jilidan jenis ini popular untuk buku bergambar kanak-kanak (picture book) yang nipis, penggunaannya kurang sesuai kerana ia boleh berkarat apabila usia buku itu sudah lama dan ini mungkin mendatangkan bahaya kepada penggunanya. Selain itu, kertas yang dijilid begini juga mudah tercabut lebih-lebih lagi kalau susunan kertas agak tebal.

2.1 PEREKAAN BAHAGIAN-BAHAGIAN BUKU

Buku terbahagi kepada bahagian kulit dan isi.

2.1.1 Kulit

Kulit sesebuah buku boleh terdiri daripada jenis kulit lembut atau kulit keras. Buku jenis kulit lembut hanya menggunakan kad dengan ketebalan tertentu dan semua bahan atau maklumat dan ilustrasi dicetak di atasnya. Manakala buku berkulit keras menggunakan *board* dan dibalut dengan kain atau kulit. Selalunya kulit buku jenis kulit keras hanya dicetak nama buku dan pengarangnya tanpa mencetak ilustrasi di atasnya. Semua maklumat lengkap selalunya dicetak di atas jaket yang membalut buku kulit keras. Walau bagaimanapun, ada juga buku berkulit keras pada hari ini tidak menggunakan jaket sebaliknya terus dibalut dengan kertas yang sudah bercetak pada *board* kulit tersebut.

Kulit sangat penting bagi sesebuah buku kerana ia menjadi daya penarik utama kepada pembeli untuk melihat seterusnya membeli dan berhasrat memiliki (membeli) buku tersebut. Sebagai daya penarik utama,

walaupun banyak kulit buku dicetak dalam satu atau dua warna, kebanyakan penerbit bersetuju penggunaan warna yang banyak pada sesebuah kulit buku menjadikannya lebih cantik dan mampu menarik perhatian pembeli.

Secara umumnya bahagian kulit buku terbahagi kepada tiga iaitu kulit depan, bahagian tulang belakang dan kulit belakang. Pada kulit depan dan bahagian tulang belakang, maklumat penting tentang judul penuh buku, nama pengarang atau editor dan logo nama penerbit sangat penting dimuatkan kerana kedua-dua bahagian ini menjadi peraga utama. Misalnya apabila kulit sesebuah buku dijadikan bahan promosi dan dilekatkan di dinding kedai buku atau mana-mana, kulit depan yang diperagakan. Manakala apabila ia disusun di atas rak, bahagian tulang belakang yang diperagakan. Kesemua bahan yang disebutkan perlu ada pada kedua-dua bahagian itu penting kerana ia memberi maklumat yang jelas kepada bakal pembeli.

Pada bahagian kulit belakang pula mesti dimuatkan nombor ISBN iaitu nombor piawaian buku antarabangsa dan jika penerbit mahu, bahagian ini boleh juga dimuatkan dengan *blurb*, iaitu maklumat yang boleh membantu mempromosikan judul. *Blurb* boleh terdiri daripada sinopsis kandungan judul tersebut, biodata ringkas pengarang, komentar dan ulasan tentang judul tersebut oleh seseorang yang pakar dalam bidang dan judul-judul lain yang terdapat dalam siri tersebut. Pemilihan bahan yang hendak dimuatkan di dalam *blurb* ini bergantung kepada

keberkesanannya sebagai bahan tambahan untuk promosi. *Blurb* boleh ditiadakan sekiranya tidak dikehendaki penerbit. Walau bagaimanapun, seorang pereka yang bijak akan menggunakan seluruh ruang yang ada pada sesebuah kulit semaksimum mungkin.

2.1.2 Isi

Isi pula terbahagi kepada bahagian prelims, bahagian teks dan bahagian akhiran. Setiap bahagian ini mempunyai pecahan masing-masing.

2.1.2.1 Prelims

Menurut *Chicago Manual of Style* edisi ke-14, bahagian prelims terdiri daripada:

i. Halaman judul kecil

Halaman ini hanya mengandungi judul utama sesebuah buku, diletakkan pada halaman rekto dan tidak diberi pernomboran halaman. Saiz fon judul pada halaman ini lebih kecil daripada saiz fon judul pada halaman judul penuh.

Pada bahagian verso halaman ini boleh dibiarkan kosong atau boleh juga diletakkan senarai terbitan pengarang yang sama atau judul-judul lain dalam siri yang sama atau diletakkan *frontispiece* iaitu gambar yang ada hubungan dengan buku tersebut.

ii. Halaman judul penuh

Halaman ini memuatkan maklumat tentang judul penuh (termasuk subjudul) buku, nama pengarang, nama bandar tempat buku terbit

dan tahun terbit. Halaman judul penuh terletak pada sebelah rekto dan tidak diberi pernomboran halaman.

iii. Halaman hak cipta

Di sebelah verso halaman judul penuh terletak halaman hak cipta iaitu halaman yang memuatkan tentang notis, pemilik dan tahun hak cipta; data pengkatalogan penerbitan (CIP) yang mengandungi maklumat nama pengarang, judul buku, subjek, nombor panggilan perpustakaan dan nombor ISBN yang menjadi panduan kepada pustakawan; nama dan alamat pencetak; kolofon tentang editor dan ilustrator; dan sedikit sejarah tentang buku tersebut. Halaman ini juga tidak diberi pernomboran.

iv. Halaman dedikasi

Halaman ini terletak pada sebelah rekto dan memuatkan ucapan pengarang untuk orang yang ada hubungan dengannya. Misalnya pengarang hendak mengucapkan sesuatu kepada anak isteri, saudara-mara atau sahabat handai. Halaman ini boleh ditiadakan, bergantung kepada kehendak pengarang.

v. Halaman epigraf

Halaman epigraf boleh menggantikan halaman dedikasi sekiranya pengarang tidak memuatkan sebarang dedikasi di dalam bukunya. Seperti juga halaman dedikasi, halaman ini juga terletak pada sebelah rekto dan boleh juga ditiadakan. Halaman ini sebenarnya memuatkan bahan tentang petikan daripada orang yang masyhur yang ada kaitan dengan subjek buku.

vi. Halaman kandungan

Halaman ini memuatkan maklumat kandungan yang terdapat di dalam buku tersebut. Halaman ini bermula pada sebelah rekto dan sebaiknya habis pada sebelah verso. Pada halaman verso pertama halaman kandungan baru dimuatkan nombor halaman iaitu menggunakan huruf Roman. Mungkin pernomboran pada halaman ini bermula dengan nombor (viii) atau (ix).

vii. Halaman senarai ilustrasi

Halaman ini memuatkan senarai ilustrasi yang terdapat di dalam buku tersebut, bermula pada sebelah rekto dan diberi pernomboran berikutnya selepas nombor terakhir pada halaman kandungan.

viii. Halaman jadual

Halaman ini memuatkan senarai jadual yang terdapat di dalam buku, bermula pada sebelah rekto dan diberi pernomboran seterusnya selepas halaman ilustrasi.

ix. Halaman pengantar (foreword)

Halaman yang bermula pada sebelah rekto ini memuatkan kata-kata pengantar yang ditulis orang lain yang mahir tentang subjek buku tersebut atau mempunyai hubungan dengan subjek atau seseorang yang terkenal.

x. Halaman prakata (preface)

Halaman ini ditulis oleh pengarang untuk menerangkan tentang tulisannya. Pada halaman ini juga pengarang boleh memasukkan penghargaan kepada individu atau kumpulan atau badan yang membantu

atau memberi kerjasama dalam penulisan buku tersebut. Halaman ini bermula pada sebelah rekto.

xii. Halaman pengenalan

Halaman ini juga ditulis oleh pengarang sekiranya ia tidak menjadi sebahagian daripada teks. Sekiranya bahagian pengenalan menjadi sebahagian daripada teks, halaman ini boleh tidak perlu diadakan pada bahagian prelims. Halaman ini juga bermula pada sebelah rekto.

xiii. Halaman senarai singkatan

Sekiranya sesebuah buku itu menggunakan banyak singkatan, halaman ini perlu diadakan untuk memberitahu pembaca makna-makna singkatan yang digunakannya di dalam buku tersebut. Halaman ini bermula pada sebelah rekto.

xiv. Halaman penyumbang

Halaman ini diadakan untuk menyenaraikan penyumbang kepada penulisan buku tersebut sekiranya ia mempunyai lebih daripada seorang pengarang. Halaman ini juga bermula pada sebelah rekto.

Walau bagaimanapun, dalam sesebuah buku kanak-kanak, hanya beberapa perkara daripada yang disebutkan ini perlu dimuatkan (rujuk 2.2.4).

2.1.2.2 Teks

Perekaan pada bahagian teks tertumpu kepada peletakan halaman pertama setiap bab, kedudukan *running head* dan kedudukan peletakan nombor

halaman. Menurut *Chicago Manual of Style* edisi ke-14, halaman pertama setiap bab mesti bermula ada sebelah rekto. Perekam mempunyai pilihan untuk menentukan sama ada meletakkan tajuk bab pada sebelah kiri (santak kiri) atau diketengahkan (centered). Perekam juga bebas menentukan bagaimana mempersesembahkan tajuk sesuatu bab.

Bagi peletakan *running head*, terdapat lima cara yang boleh dipilih oleh seseorang perekam.

<i>Halaman verso</i>	<i>Halaman rekto</i>
Judul bahagian	Judul bab
Judul bab	Subjudul bab
Judul bab	Judul bab
Subjudul bab	Subjudul bab
Nama pengarang	Judul bab

Running head mesti berada di sebelah atas sesuatu halaman dan boleh diletakkan sama ada di tengah-tengah atau di tepi halaman. Sekiranya ia diletakkan pada sebelah tepi halaman, selalunya ia berada pada birai dalam kalau perekam memilih meletakkan nombor halaman di bahagian atas teks. Sebaliknya kalau perekam memilih meletakkan nombor halaman di sebelah bawah teks, *running head* perlu diletakkan di sebelah birai luar.

Perekam seharusnya tidak memilih judul buku sebagai *running head* seperti yang dilakukan oleh penerbit di Malaysia kerana pembaca memang sudah tahu judul buku yang sedang dibacanya. Seharusnya *running head*

menjadi panduan kepada pembaca tentang kedudukan bacaannya ketika itu.

Bagi peletakan nombor halaman (nombor folio), pereka mempunyai pilihan sama ada hendak meletakkannya di tengah-tengah atau di tepi halaman, di atas atau di bawah halaman. Sekiranya nombor halaman diletakkan pada sebelah tepi halaman, ia mesti berada di birai luar dan *running head* diletakkan di birai dalam. Sekiranya pereka hendak meletakkan nombor halaman di tengah-tengah halaman, ia mesti diletakkan di bahagian bawah halaman kerana di bahagian atas hanya diletakkan *running head*.

2.1.2.3 Bahagian akhiran

Menurut *Chicago Manual of Style* edisi ke-14, bahagian ini terdiri daripada:

i. Lampiran/ appendiks

Lampiran ialah bahan yang bukan sebahagian daripada maklumat buku. Bahan ini dilampirkan untuk rujukan pembaca. Dalam kebanyakan penerbitan, bahagian ini ditiadakan kecuali ia menjadi sebahagian daripada perbincangan teks dan amat perlu disertakan sekali.

ii. Nota

Semua buku ilmiah mesti mempunyai nota. Terdapat beberapa jenis nota seperti nota kaki, nota bab dan nota hujung. Sekiranya pereka memilih meletakkan nota hujung, bahan itu mesti dimasukkan ke bahagian ini.

Setiap halaman pertama nota sesuatu bab yang diletakkan pada bahagian ini diberi tajuk seperti Nota Bab 1 dan seterusnya.

iii. Glosari

Glosari ialah senarai perkataan sukar (yang dijangkakan tidak biasa ditemui oleh pembaca) yang menyertakan sekali maknanya.

iv. Bibliografi

Bibliografi ialah bahan rujukan yang digunakan oleh pengarang dalam penulisannya. Biasanya ia mengandungi nama pengarang, judul buku atau artikel atau majalah, bandar terbitnya buku itu dan tahun terbitan. Ia disusun mengikut gaya sesebuah badan penerbitan.

v. Indeks

Indeks ialah maklumat yang boleh memberi pembaca akan sesuatu perkara yang ingin dicarinya di dalam sesebuah buku. Indeks ini amat perlu bagi sesebuah buku ilmiah. Terdapat dua jenis indeks iaitu indeks nama dan indeks perkara dan disusun mengikut turutan abjad. Indeks biasanya disediakan di dalam dua kolumn berserta halamannya sekali.

2.2 PEREKAAN BUKU KANAK-KANAK

2.2.1 Format

Bagi buku kanak-kanak, tidak satu saiz yang ditetapkan perlu dipatuhi semua penerbit. Tetapi secara umumnya, saiz yang biasa digunakan dan kelihatan sesuai untuk kanak-kanak ialah antara $7\frac{1}{2}'' \times 10\frac{1}{4}''$ (190mm x 257mm) dan $7\frac{3}{4}'' \times 10\frac{1}{2}''$ (197mm x 267mm). Kedua-dua saiz ini selalu

digunakan oleh penerbit terutamanya untuk buku-buku bergambar, buku cerita bergambar yang sangat mudah, buku latihan menulis abjad dan nombor untuk kanak-kanak prasekolah. Penentuan saiz buku sebenarnya berhubung rapat dengan penentuan jumlah halaman. Biasanya buku kanak-kanak mempunyai 32, 40 atau 48 halaman. Walau bagaimanapun, ada buku kanak-kanak yang mempunyai jumlah halaman yang kurang atau lebih banyak daripada jumlah tersebut, bergantung pada bentuk buku kanak-kanak yang diterbitkan sama ada buku bergambar, buku cerita bergambar atau buku latihan menulis dan mewarna.

2.2.2 Kertas

Kertas yang popular digunakan untuk buku kanak-kanak berkulit lembut di Malaysia adalah dari jenis simili dengan keberatan 75gm hingga 85gm untuk teks dan kertas jenis *Artcard* 230gm untuk kulit. Manakala bagi buku berkulit keras pula menggunakan kertas dari jenis *Artpaper* 128gm. Menurut M.N. Rao (1974), berat kertas yang paling sesuai untuk kanak-kanak prasekolah ialah antara 100gm hingga 125gm dari jenis yang tidak mudah koyak.

2.2.3 Jilidan

Jenis jilidan yang paling sesuai untuk buku kanak-kanak ialah dari jenis jilidan jahitan dan jilidan *perfect*. Walaupun banyak penerbit di Malaysia yang menggunakan jilidan *saddle-stitching* untuk buku kanak-kanak yang

agak nipis, ia tidak begitu sesuai kerana selain helaian halaman mudah tercabut, ia juga mudah berkarat dan ini boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna.

2.2.4 Bahagian-bahagian buku kanak-kanak

Mengikut Frieda Gates (1986), enam halaman pertama buku kanak-kanak mengandungi bahagian awalan yang terdiri daripada:

- i. Halaman judul kecil yang mengandungi judul semata-mata, terletak sebelah rekto;
 - ii. Halaman judul besar yang mengandungi judul, nama pengarang, penerbit, tahun terbit dan logo penerbit, terletak sebelah rekto;
 - iii. Halaman hak cipta, terletak sebelah verso halaman judul penuh;
 - iv. Halaman dedikasi;
 - v. Halaman kandungan; dan
 - vi. Halaman prakata.
- Manakala pada bahagian akhir buku mengandungi bahan akhiran seperti berikut:

- i. Halaman glosari ;
- ii. Halaman bibliografi; dan
- iii. Halaman indeks.